# Sarawak plans interracial pupil interactions

**KUCHING:** The Sarawak government plans to reintroduce the Student Integration Plan for Unity (RIMUP) programme in primary schools next year to encourage interracial interactions among pupils. State Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah said there were schools in Sarawak that consisted of students of a single race, which limited their opportunity to learn about other people's languages, religious beliefs and cultural practices. "We will propose to the committee (unity) to reintroduce RIMUP in primary schools next year," she said after launching the state-level people's feedback session on the National Unity Action Plan 2021-2025. **Bernama**

New Straits Times, pg 11, 6 September 2020

# *Take 5* di Tabika, Taska Perpaduan

Pupuk pemahaman Rukun Negara dalam kalangan kanak-kanak

MACHANG

Seramai 38,000 kanak-kanak Tabika dan Taska Genius Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) akan menjalani rutin normal baharu menerusi Program *Take 5* yang akan bermula hari ini di seluruh negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, program menambah nilai dalam silibus pendidikan sedia ada di peringkat prasekolah itu melibatkan 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 taska genius di bawah JPNIN.

"*Take 5* ini adalah pengisian pembelajaran yang diwajibkan terhadap kanak-kanak perpaduan dan sebaik sahaja mereka tiba di sekolah, mereka perlu menyanyikan lagu *Negaraku* dan membacakan ikrar Lima Prinsip Rukun Negara.

"Ia penting kerana kita mahu anak-anak ini memahami lirik lagu Negaraku manakala guru berperanan memberikan penjelasan, memupuk penghayatan mengenai prinsip dan objektif ikrar Rukun Negara sejak dari peringkat kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Normal Baharu *Take 5* di Tabika dan Taska Genius JPNIN di Dewan Keusahawanan Kompleks Perpaduan Daerah Machang di sini semalam.

Halimah berkata, bagi pemantapan program berkenaan,



Halimah (tengah) memotong kek sebagai gimik perasmian Majlis Pelancaran Normal Baharu *Take 5* di Tadika dan Tabika Genius Perpaduan di Dewan Keusahawanan Kompleks Perpaduan Daerah Machang, Kelantan semalam.

kementerian turut bekerjasama dengan tiga kementerian lain iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"*Take 5* ini perlu menjadi amalan wajib dan penggunaan maskot animasi *Boboiboy* dengan watak Papa Zola dan Pipi Zola membolehkan kanak-kanak senang tertarik untuk menghafal lagu *Ayuh Cuci Tangan*.

"Lagu itu melatih kanak-kanak mencuci tangan dengan cara yang betul menggunakan sabun untuk mencegah penyakit Covid-19, selain aktiviti riadah untuk kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, inisiatif berkenaan merupakan program usaha sama bijak bagi menambah nilai dalam subjek sedia ada termasuk aktiviti ko-kurikulum kanak-kanak prasekolah.

"Penghayatan prinsip Rukun Negara ini bukan hanya sekadar ada pada kulit belakang buku sekolah, sebaliknya kita mahu objektifnya dihayati setiap kanak-kanak," katanya menambah penggunaan animasi kartun akan menambah keterujaan murid tadika menghayati prinsip Rukun Negara. - *Bernama*

Sinar Ahad, m/surat 6, 6 Sept 2020